

Media item

Full Text

Rancakkan ekonomi digital rakyat

Kosmo, Malaysia by Amree Ahmad

16 Nov 2021

Negara - Page 0 - 285 words - ID my0046010582 - Photo: No - Type: -

Size: 483.00cm²

Rancakkan ekonomi digital rakyat Oleh AMREE AHMAD Ismail Sabri mahu perkasakan taraf hidup masyarakat PUTRAJAYA - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menekankan kepentingan kesalinghubungan digital yang kini menjadi keperluan asas bagi segenap lapisan masyarakat. Perdana Menteri juga menekankan ekosistem yang mampan dan menyeluruh ketika mempengerusikan mesyuarat keempat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Perkara itu -dimaklumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed sebagai merujuk perutusan pembukaan mesyuarat itu semalam. Kedua-dua sifat tersebut juga adalah penting bagi meraneakkan ekonomi digital yang boleh memperkasakan dan meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya. Justeru katanya, mesyuarat itu turut mengambil maklum kemajuan inisiatif di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) dan Dasar 4IR Negara melibatkan pelbagai ke- + menteri. Pembangunan prasarana digital, ujaranya, juga adalah salah satu asas penting dalam usaha negara untuk segera mencapai matlamat Keluarga Malaysia yang makmur dan mampan. EKONOMI digital dan 4IR akan memberi manfaat kepada rakyat untuk memperkasa dan meningkatkan taraf hidup rakyat. - GAMBAR HIASAN Sehubungan itu, Ismail Sabri memutuskan bahawa pencapaian inisiatif MyDigital bakal dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi setiap menteri dan ketua jabatan. "Ia sejajar dengan pembentangan Bajet 2022. Semua kementerian juga perlu meneruskan usaha sedia ada dan menghidupkan kembali sektor terkesan Covid-19," katanya. ISMAIL SABRI Mesyuarat itu turut memutuskan Koridor Raya Multimedia (MSC) 2.0 diperkenalkan dengan penjenamaan baharu. Ia susulan kejayaan MSC dilaksanakan 25 tahun dahulu oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dengan meraih nilai pelaburan RM384 bilion dan pendapatan RM588 bilion. MSC versi pertama itu jelasnya, berjaya mewujudkan sejumlah 184,030 pekerja berkemahiran tinggi selain mencipta 72 bandar siber dan 22 hab digital Malaysia (MDH) di seluruh negara. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Cradle Fund Sdn. Bhd. akan menyelaras Peta Laluan Ekosistem Pemula Modal Malaysia (Super) 2021-2030 melalui wadah MyStartup.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.